

29 JAN 2002

DR MAHATHIR: BANGSA MELAYU PERLU MINDA TERBUKA

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata cabaran utama yang dihadapi orang Melayu masa kini ialah keterbukaan minda bagi memastikan kemajuan bangsa dan negara dapat dicapai.

Beliau berkata perkembangan teknologi yang pesat dan rancangan pembangunan yang berlipat ganda tidak akan membawa apa-apa makna sekiranya minda bangsa itu tertutup.

"Kita semua tahu bahawa kemajuan sesuatu bangsa dan negara itu banyak bergantung kepada keupayaan minda bangsa berkenaan untuk menerima perubahan dan permodenan," katanya dalam kata-kata aluan buku cenderamata Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Melayu Islam di sini, hari ini.

Persidangan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka selama tiga hari, mulai hari ini mengumpulkan cendekiawan Melayu serantau dan pemikir Islam termasuk dari Amerika Syarikat dan Asia Barat untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan tertutupnya minda umat Melayu Islam masa kini.

Dr Mahathir berkata orang Melayu kini mempunyai peluang untuk mengubah nasib mereka ke arah kehidupan yang lebih maju, makmur dan sejahtera.

-- BERNAMA

HS MFJ PR